



## Kaedah Pembuktian Kes Hadanah: Satu Analisis

## *Fiqh al-Ahwal al-Syakhsiiyah*

### *Methods of Proving Custody Cases: An Analysis*

26

SITI SALIHAN ABU BAKAR

(Corresponding Author)

AZIZAH MOHD RAPINI

Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Universiti Islam Selangor (UIS)

43000 Kajang, Selangor, Malaysia

24mt21003@postgrad.uis.edu.my

azizah@uis.edu.my

Submitted date: 7 February 2025

Revised date: 13 June 2025

Acceptance date: 20 August 2025

Available online: 9 September 2025

### ABSTRAK

Hak hadanah merupakan suatu tuntutan yang boleh difailkan di mahkamah syariah oleh bekas pasangan suami atau isteri atau mana-mana ahli keluarga yang berkenaan untuk ditentukan siapakah yang berhak untuk mendapatkan hak jagaan terhadap kanak-kanak yang belum mumayyiz selepas berlakunya pembubaran perkahwinan atau pun kematian daripada salah seorang ibu atau bapa kanak-kanak tersebut. Prinsip pembuktian Islam menghendaki pihak-pihak yang berjuang dalam tuntutan hak hadanah untuk membuktikan kelayakannya sebagai hadinah atau ketidaklayakan pihak lawan disebabkan wujudnya hal-hal yang menggugurkan hak hadanah. Tidak semua kes hadanah yang dilaporkan mengetengahkan isu berkaitan pembuktian untuk dipertimbangkan dalam memutuskan hak hadanah. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti aspek-aspek pembuktian sama ada berkaitan beban bukti atau kaedah pembuktian yang dihuraikan dalam alasan penghakiman kes hadanah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui perolehan data kepustakaan dan analisis dokumen-dokumen seperti artikel, jurnal dan laporan kes-kes mahkamah syariah berserta statut. Dapatan kajian merumuskan alasan penghakiman kes hadanah kebiasaannya akan mengulas mengenai isu pembuktian dari aspek beban pembuktian berserta dengan prinsip syarak yang berkaitan dan status keterangan daripada pihak-pihak sama ada melalui saksi-saksi serta dokumen-dokumen yang dikemukakan di dalam mahkamah syariah. Oleh yang demikian, kajian ini diharapkan akan dapat membantu serta menjadi panduan atau rujukan kepada pengamal undang-undang dalam persediaan untuk mengemukakan hujah-hujah yang diperlukan dalam kes hadanah yang dikendalikan seterusnya dapat membuka lagi ruang-ruang kajian susulan.

**Kata Kunci:** Hadanah, Kaedah Pembuktian, Penghakiman, Mahkamah Syariah





## ABSTRACT

The right of custody (hak hadanah) is a claim that can be filed in the Shariah court by a former spouse or any relevant family member to determine who is entitled to custody of a minor child after the dissolution of marriage or the death of one of the child's parents. Under the principle of Islamic evidence rules requires the parties in custody cases to prove their eligibility as custodians or the ineligibility of the opposing party due to factors that nullify the right to custody. Not all reported case on custody raise issues related to proof for consideration in deciding custody rights. Therefore, this study aims to identify aspects of proof, whether related to the burden of proof or methods of proof, as discussed in the judgments of custody cases. This study employs a qualitative method through literature review and document analysis, including articles, journals, reported case and statutes. The findings of the study conclude that the judgments in custody cases usually raise the issues on proof and evidence which relates to burden of proof, along with relevant Shariah principles and the admissibility of evidence tendered by the parties, whether by testimony or documentary evidence before Shariah judge. Consequently, this study is expected to assist and serve as a guideline or reference for legal practitioners in preparing the necessary arguments in custody cases and to open up further discussions for subsequent research.

**Keywords:** Custody, Methods of Proof, Judgement, Shariah Court

## PENDAHULUAN

Tuntutan hak hadanah sering menjadi perdebatan antara bekas suami dan isteri selepas berlakunya perceraian antara pihak-pihak. Isu mengenai hak hadanah ini merupakan suatu perkara yang sangat penting dan telah dititik beratkan dalam Islam supaya kebajikan kanak-kanak tersebut sentiasa dapat dipelihara serta dilindungi dengan sebaik mungkin. Oleh sebab itu, telah menjadi satu kewajipan kepada ibu bapa dalam memastikan kebajikan anak tersebut sentiasa dapat dipelihara dan dilindungi. Tambahan lagi, dalam Islam juga telah menitik beratkan mengenai isu hak jagaan anak kepada pihak-pihak yang berhak untuk menjadi hadinah bagi menjamin kebajikan mereka sehingga mereka dewasa. Perkara ini juga telah diperuntukkan dalam perundangan Islam melalui Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia mengenai penentuan terhadap tuntutan hak hadanah bagi siapa yang berkelayakan sebagai hadinah ke atas anak tersebut.

Justeru itu, pihak-pihak yang terlibat perlu membuktikan kelayakan mereka melalui kaedah pembuktian yang telah ditetapkan dalam undang-undang dan hukum syarak bagi membantu para hakim membuat penghakiman terhadap tuntutan ini. Para hakim yang mengendalikan kes ini akan mengemukakan alasan penghakimannya dengan merujuk kepada pembuktian yang telah dikemukakan oleh pihak-pihak yang bertikai. Walau bagaimanapun, sehingga masa kini masih lagi timbul isu atau kesamaran mengenai aspek pembuktian yang dirujuk oleh para hakim dalam mengemukakan alasan penghakiman bagi kes hadanah yang dikendalikan di mahkamah syariah. Oleh yang demikian, kajian ini akan melihat kepada aspek-aspek



pembuktian sama ada berkaitan beban bukti atau kaedah pembuktian yang dihuraikan dalam alasan penghakiman kes hadanah.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif yang melibatkan pengumpulan data secara dokumentasi melalui artikel jurnal dan laporan kes-kes mahkamah syariah berserta statut yang berkaitan. Kajian ini melibatkan analisis kandungan dokumen berkaitan beban pembuktian, kaedah pembuktian dan hak hadanah terutama laporan bertulis kes mahkamah syariah dalam Jurnal Hukum, Syariah Law Report, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2023 dan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2023.

Metode dokumentasi digunakan kerana ia dapat memberikan pendekatan yang sesuai untuk menganalisis kes-kes dan statut yang berkaitan dengan aspek pembuktian, sama ada berkenaan beban bukti atau kaedah pembuktian. Oleh yang demikian, pendekatan ini membolehkan kajian dijalankan secara mendalam terhadap prinsip dan pelaksanaan pembuktian dalam kes hadanah.

## **KONSEP HADANAH DALAM UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM DI MALAYSIA**

### **Hadanah Menurut Hukum Syarak**

Hadanah menurut hukum syarak merujuk kepada pemeliharaan kanak-kanak yang masih kecil, sama ada lelaki atau perempuan, atau kanak-kanak yang belum mencapai tahap mumayyiz (tidak mampu membezakan antara yang baik dan buruk), selepas berlakunya perceraian antara ibu bapa mereka (Salam, 2018). Menurut fuqaha' Hanafiah, hadanah diertikan sebagai usaha mendidik anak yang dijalankan oleh individu yang mempunyai hak untuk mengasuh. Sayyid Sabiq pula menggambarkan hadanah sebagai satu bentuk pemeliharaan terhadap anak kecil, baik lelaki mahupun perempuan, atau individu yang kurang berakal, yang belum mampu menguruskan diri sendiri dan membezakan antara kebaikan dan keburukan (Muhajir, 2017).

Seterusnya, Salam (2019) merumuskan bahawa hak jagaan anak seringkali diberikan kepada ibu, dan dalam situasi tertentu, kepada bapa. Dalam sejarah Islam, pernah berlaku perebutan hak penjagaan anak, seperti yang tercatat dalam kisah Saidina Hamzah R.A., di mana Rasulullah S.A.W. memutuskan agar anak tersebut dijaga oleh isteri Ja'far, yang juga ibu saudara kepada anak tersebut. Keputusan ini diambil oleh Rasulullah S.A.W. dengan mempertimbangkan kebajikan anak yang masih kecil dan memerlukan kasih sayang ibu. Selain itu, menurut El-Muhammady (1994), hadanah dalam hukum Islam memberi keutamaan kepada ibu selagi ibu tersebut mampu memberikan kebajikan terbaik kepada anak.

Hak hadanah merupakan hak eksklusif yang diberikan kepada ibu atau dalam kes tertentu boleh dipindahkan kepada bapa atau individu lain untuk memelihara anak



yang masih di bawah umur yang ditetapkan selepas berlakunya perceraian antara suami dan isteri, sehingga anak tersebut mencapai tahap mumaiyiz (Mughnia, 2021). Hadanah juga dilihat sebagai bentuk kasih sayang daripada Allah SWT kepada hamba-hamba-Nya, kerana Allah SWT mengurniakan penjagaan terhadap anak-anak yang dilahirkan daripada rahim seorang ibu. Oleh itu, hadanah merupakan suatu bentuk rahmat Allah SWT yang dititipkan ke dalam hati kedua ibu bapa untuk memberikan kasih sayang dan perhatian kepada anak-anak mereka. Melalui pensyariatan ini, ibu bapa dapat membantu anak-anak mereka membiasakan diri dengan nilai-nilai kasih sayang dan kebaikan terhadap orang lain, yang merupakan asas kepada pembentukan akhlak dalam diri anak-anak (Muhajir, 2017).

### **Hadanah Menurut Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia**

Umumnya, dalam kes hadanah orang yang paling berhak untuk mendapatkan hak hadanah adalah ibu sepertimana yang telah diperuntukkan dalam seksyen 82 (1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor (2003) iaitu:

- 1) Tertakluk kepada seksyen 83, ibu adalah yang paling berhak dari segala orang bagi menjaga anak kecilnya dalam masa ibu itu masih dalam perkawinan dan juga selepas perkahwinannya dibubarkan.

Walau bagaimanapun, dalam kes-kes tertentu ibu tidak berhak untuk mendapatkan hak hadanah atas sebab-sebab tertentu. Oleh sebab itu, hak ibu tersebut boleh dialihkan kepada bapa atau kepada pihak lain atas perintah mahkamah sepertimana yang telah diperuntukkan dalam seksyen 82 (2) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor (2003) iaitu:

- 2) Jika mahkamah berpendapat bahawa ibu adalah hilang kelayakan di bawah Hukum Syarak dari mempunyai hak terhadap hadanah atau penjagaan anaknya, maka hak itu, tertakluk kepada subseksyen (3), hendaklah berpindah kepada salah seorang yang berikut mengikut susunan keutamaan yang berikut, iaitu-
  - a) nenek sebelah ibu hingga ke atas,
  - b) bapa,
  - c) nenek sebelah bapa hingga ke atas,
  - d) kakak atau adik perempuan seibu sebapa,
  - e) kakak atau adik perempuan seibu,
  - f) kakak atau adik perempuan sebapa,
  - g) anak perempuan dari kakak atau adik perempuan seibu sebapa,
  - h) anak perempuan dari kakak atau adik perempuan seibu,
  - i) anak perempuan dari kakak atau adik perempuan sebapa,
  - j) emak saudara sebelah ibu,
  - k) emak saudara sebelah bapa,
  - l) waris lelaki yang boleh menjadi warisnya sebagai 'asabah atau residuari:



Dengan syarat penjagaan orang demikian tidak menjejaskan kebajikan kanak-kanak itu.

Selain itu, telah diperuntukkan juga dalam enakmen ini mengenai beberapa syarat kelayakan bagi seorang penjaga tersebut untuk mendapatkan hak hadanah. Perkara ini diperuntukkan dalam seksyen 83 EUKIS 2003 iaitu:

Seseorang yang mempunyai hak mendidik seseorang kanak-kanak, adalah berhak menjalankan hak terhadap hadanah jika-

- a) dia adalah seorang Islam;
- b) dia adalah sempurna akal;
- c) dia berumur yang melayakkan dia memberi kepada kanak-kanak itu jagaan dan kasih sayang yang mungkin diperlukan oleh kanak-kanak itu;
- d) dia berkelakuan baik dari segi akhlak Islamiah; dan
- e) dia tinggal di tempat di mana kanak-kanak itu tidak mungkin menghadapi apa-apa akibat buruk dari segi akhlak atau jasmani.

Seksyen 84 EUKIS 2003 telah memperuntukkan juga mengenai beberapa keadaan yang boleh menyebabkan seseorang ibu hilang kelayakannya untuk menjaga anak. Keadaan tersebut adalah seperti berikut:

Hak seseorang perempuan terhadap hadanah adalah hilang-

- a) jika perempuan itu berkahwin dengan seseorang yang tidak mempunyai pertalian dengan kanak-kanak itu yang orang itu dilarang berkahwin dengan kanak-kanak itu, jika penjagaannya dalam hal sedemikian akan menjejaskan kebajikan kanak-kanak itu tetapi haknya untuk penjagaan akan kembali semula jika perkahwinan itu dibubarkan;
- b) jika perempuan itu berkelakuan buruk secara keterlaluan dan terbuka;
- c) jika perempuan itu menukar pemastautinannya dengan tujuan untuk mencegah bapa kana-kanak itu dari menjalankan pengawasan yang perlu ke atas kenak-kanak itu, kecuali bahawa seorang isteri yang bercerai boleh mengambil anaknya sendiri ke tempat lahir isteri itu;
- d) jika perempuan itu *murtad*;
- e) jika perempuan itu mencuaikan atau menganiayai kanak-kanak itu.

Justeru, dengan merujuk kepada beberapa peruntukan di atas, dapat dirumuskan bahawa menjadi keperluan kepada para hakim untuk mempertimbangkan aspek-aspek kepada para hakim untuk menilai aspek tersebut sebelum membuat sebarang keputusan mengenai siapa yang paling berhak untuk mendapatkan hak hadanah ini.



## **Pertimbangan Mahkamah Dalam Menentukan Hak Hadanah**

Dalam kes hadanah, mahkamah akan mempertimbangkan beberapa aspek sebelum membuat keputusan. Antaranya mahkamah melihat dari segi aspek kebajikan seseorang anak itu. Kebajikan anak juga merupakan elemen yang sangat penting dan perlu dititik beratkan oleh mahkamah supaya ia sentiasa dapat dipelihara serta dilindungi dengan sebaik mungkin. Perkara ini diperuntukkan di dalam seksyen 87 (1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor (2003) iaitu:

Walau apa pun peruntukan seksyen 83, Mahkamah boleh pada bila-bila masa dengan perintah memilih untuk meletakkan seseorang kanak-kanak dalam jagaan salah seorang daripada orang-orang yang tersebut di dalam seksyen itu atau, jika ada hal keadaan yang luar biasa yang menyebabkan tidak diingini bagi kanak-kanak itu diamanahkan kepada salah seorang daripada orang-orang itu, Mahkamah boleh dengan perintah meletakkan kanak-kanak itu dalam jagaan mana-mana orang lain atau mana-mana persatuan yang tujuan-tujuannya adalah termasuk kebajikan kanak-kanak.

Dalam kajian Badriyah (2022) merumuskan bahawa peruntukan undang-undang keluarga Islam di Malaysia menetapkan ibu sebagai hadinah bagi anak yang belum mumaiyiz dan anak-anak diberi pilihan untuk memilih tinggal bersama siapa setelah mencapai tahap mumaiyiz. Namun, terdapat beberapa situasi kes apabila hak jagaan anak diberikan kepada bapa. Hal ini kerana, kedudukan seseorang bapa sebagai wali lebih diutamakan apabila melibatkan tempat tinggal anak meskipun ibu yang mendapatkan hak hadanah tersebut. Perkara ini dapat menjamin hak seorang bapa sebagai orang yang bertanggungjawab terhadap pendidikan, pembentukan akhlak, pemberian nafkah dan lain-lain.

Dina Fatimah (2023) pula merumuskan bahawa dalam pertikaian hadanah anak yang telah mencapai tahap mumaiyiz diberi pilihan kebebasan untuk menentukan pilihan tinggal bersama ibu atau bapa. Bagi anak yang belum mumaiyiz hak hadanah diberikan kepada ibu anak tersebut. Penjagaan anak pada hakikatnya menjadi tanggungjawab ibu bapa baik sewaktu masih dalam ikatan perkahwinan atau pun setelah bercerai. Dalam memutuskan pertikaian hadanah, perkara yang paling utama yang dilihat oleh hakim adalah kemaslahatan anak tersebut walaupun anak yang masih di bawah umur dipandang lebih memerlukan seorang ibu dan hakim juga meneliti fakta-fakta mengenai pihak ibu dan bapa yang manakah yang akan dinilai mempunyai kemahiran dalam mengurus anak tersebut.

Fadhil Fadani (2023) merumuskan bahawa perlindungan agama anak merupakan aspek yang penting dalam pertimbangan hakim ketika membuat keputusan berkenaan hak hadanah. Peruntukan undang-undang keluarga Islam di Malaysia telah menetapkan syarat-syarat tertentu bagi seseorang yang berhak untuk memperoleh hak jagaan anak, antaranya adalah beragama Islam dan mempunyai akhlak yang baik menurut pandangan Islam. Dalam kajian ini menunjukkan bahawa hakim di



Mahkamah Syariah menjadikan agama anak sebagai salah satu faktor utama dalam pertimbangan mereka sebelum membuat keputusan dalam kes hak hadanah.

Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa terdapat beberapa aspek yang diberi pertimbangan oleh mahkamah. Meskipun aspek-aspek tersebut diambil kira oleh mahkamah tetapi pertimbangan utama yang diambil kira sebelum memutuskan hak hadanah adalah melibatkan kebajikan anak tersebut.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

### **Pembuktian Dalam Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah Di Malaysia**

#### **i. Beban Pembuktian**

Suhaizad Saifuddin (2021) merumuskan bahawa beban pembuktian di dalam undang-undang boleh difahami sebagai satu kaedah yang memerlukan seseorang itu terikat untuk membuktikan kewujudan atau ketidakwujudan sesuatu fakta dalam sesuatu kes. Tambahnya lagi, beban pembuktian undang-undang merupakan satu tanggungjawab atau tugas yang diletakkan ke atas satu pihak untuk membuktikan kewujudan sesuatu fakta. Justeru, pihak-pihak yang bertikai tidak boleh dengan sewenang-wenangnya mengemukakan sebarang bentuk keterangan dalam membuktikan dakwaan atau tuntutan atau penafian (Amir Husin Mohd Nor, 2018).

Selain daripada itu, Buang (1990) merumuskan bahawa dalam hukum Islam beban pembuktian telah diletakkan ke atas pihak yang mendakwa (*al-bayyinah 'ala man idda'a*), manakala pihak yang menafikan hanya perlu bersumpah jika tiada bukti mencukupi.

Tambahan pula, dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2003 telah menetapkan bahawa beban pembuktian adalah terletak ke atas pihak yang mendakwa (Suhaizad Saifuddin, 2021). Perkara ini adalah selari seperti dalam peruntukan seksyen 72 EKMS 2003 iaitu:

Beban untuk mengemukakan keterangan dalam sesuatu kes mal terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta (*al-mudda'ii*) dan orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (*al-Muda'a 'alaih*).

Selain itu, dalam seksyen 73 enakmen yang sama telah memperuntukkan bahawa:

(1) Sesiapa yang berhasrat supaya mana-mana Mahkamah memberikan penghakiman tentang apa-apa hak atau tanggungan di sisi undang-undang yang bergantung kepada kewujudan fakta yang ditegaskan olehnya, mestilah membuktikan bahawa fakta itu wujud.



(2) Apabila seseorang terikat untuk membuktikan kewujudan apa-apa fakta, maka dikatakan bahawa beban membuktikan terletak pada orang itu.

## ii. Kaedah Pembuktian

Suhaizad Saifuddin (2019) merumuskan bahawa pembuktian merupakan elemen yang signifikan dalam suatu prosiding perbicaraan dan perlu dikemukakan secara teratur di mahkamah. Hal ini adalah kerana, bagi mencapai keadilan dalam sesuatu proses perbicaraan, semua fakta dan isu yang dibangkitkan perlu disokong dengan pembuktian yang kukuh dan dikemukakan di hadapan hakim. Pembuktian tersebut perlu dikemukakan melalui kaedah tertentu yang telah ditetapkan dalam peruntukan yang sedia ada di mana hanya bukti yang relevan akan diterima oleh mahkamah. Selain itu, Amir Husin Mohd Nor (2018) merumuskan bahawa Islam telah menggariskan kaedah-kaedah pembuktian yang diterima dan diamalkan seperti *bayyinah*, *syahadah*, *Iqrar*, *qarinah*, keterangan dokumen, keterangan pakar, *qasamah*, sumpah dan *li'an* sepertimana yang telah diperuntukkan dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2003:

### Pengakuan (*Iqrar*)

Othman (2003) merumuskan bahawa Sayyid Sabit beranggapan pengakuan merupakan jenis keterangan yang terbaik, yang juga dikenali sebagai penghulu kepada semua bukti-bukti. Manakala, Imam Shafie pula beranggapan bahawa kedudukan *Iqrar* boleh mencapai ke tahap kepastian dan bukannya hanya sekadar *ghalaba al-Zann* (berat sangka). Pembuktian melalui pengakuan telah diperuntukkan dalam seksyen 17 EKMS 2003 iaitu:

- 1) *Iqrar* ialah suatu pengakuan yang dibuat oleh seseorang secara bertulis atau lisan atau dengan isyarat, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap mana-mana orang lain berkenaan dengan sesuatu hak.
- 2) Apa-apa *iqrar* hendaklah dibuat –
  - a) Di dalam Mahkamah, di hadapan Hakim: atau
  - b) Di luar Mahkamah, di hadapan dua orang saksi lelaki yang aqil, baligh dan 'adil.
- 3) .....

### Kesaksian (*Syahadah*)

Menurut Othman (2003) merumuskan *syahadah* bermaksud satu perkhabaran yang benar yang diberikan dalam majlis kehakiman dengan menggunakan lafaz “*asyhadu*” atau aku naik saksi untuk mensabitkan hak, atau kepentingan bagi orang lain. Dalam



kajian Azizah (2023) menyatakan bahawa kesaksian merupakan kaedah pembuktian kedua selepas pengakuan yang boleh mencapai tahap *al-yaqin*. Peruntukan mengenai kesaksian ini telah diperuntukkan dengan jelas di dalam seksyen 83 (1) EKMS 2003 iaitu:

Tertakluk kepada peruntukan seksyen ini, semua orang Islam adalah kompeten untuk memberikan *syahadah* atau *bayyinah* sebagai saksi dengan syarat bahawa mereka adalah '*aqil*, baligh, '*adil*, mempunyai ingatan yang baik dan tidak berprasangka.

Dalam kajian Azizah (2018) pula merumuskan bahawa saksi dalam sesuatu prosiding mahkamah mempunyai hubung kait dengan keadilan dalam sistem kehakiman Islam kerana keputusan hakim banyak bergantung kepada kekuatan bukti atau keterangan dari pihak-pihak sama ada keterangan tersebut dikemukakan dalam bentuk kesaksian atau dokumen. Selain itu, terdapat juga dalam peruntukan enakmen yang sama dalam seksyen 86 (5) yang memperuntukkan mengenai bilangan saksi yang perlu dikemukakan oleh pihak-pihak bertikai dalam prosiding mahkamah syariah iaitu:

Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam seksyen ini, keterangan hendaklah diberikan oleh dua orang saksi lelaki atau oleh seorang saksi lelaki dan dua orang saksi perempuan.

### **Qarinah**

*Qarinah* telah didefinisikan dalam Seksyen 3 EKMS 2003 iaitu sebagai fakta yang mempunyai kaitan dengan fakta yang satu lagi dengan apa-apa cara. Pembuktian melalui *qarinah* telah diaplikasikan dalam mahkamah syariah sekiranya masih lagi terdapat kekurangan bukti lain daripada pihak-pihak yang bertikai. Pembuktian *qarinah* telah dinyatakan secara terperinci dalam peruntukan EKMS 2003 bermula daripada seksyen 5 sehingga seksyen 42. Dengan merujuk kepada peruntukan berikut dapat dilihat bahawa pembuktian melalui *qarinah* boleh diterima di mahkamah syariah dalam pelbagai bentuk.

Dalam seksyen 5 enakmen yang sama telah memperuntukkan mengenai konsep *qarinah* yang menyatakan bahawa:

Keterangan boleh diberikan dalam mana-mana guaman atau prosiding mengenai kewujudan atau ketakwujudan tiap-tiap fakta persoalan dan mengenai apa-apa fakta lain yang ditetapkan kemudian daripada ini sebagai *qarinah*, dan tidak mengenai apa-apa fakta lain.

Selain itu, seksyen 9 enakmen yang sama pula memperuntukkan bahawa:

Fakta yang perlu untuk menghuraikan atau mengemukakan apa-apa fakta persoalan atau fakta relevan, atau yang menyokong atau mematahkan sesuatu kesimpulan yang dibayangkan oleh sesuatu fakta



persoalan atau fakta relevan, atau yang menentukan identiti mana-mana benda atau orang yang identitinya ialah relevan, atau yang menetapkan masa atau tempat di mana mana-mana fakta persoalan atau fakta relevan telah berlaku atau yang menunjukkan hubungan pihak-pihak yang olehnya mana-mana fakta itu ditransaksikan, ialah *qarinah* setakat yang fakta itu perlu bagi maksud itu.

Tambahan lagi, *qarinah* juga boleh dikemukakan dalam bentuk keterangan pakar sepertimana yang telah diperuntukkan dalam seksyen 33 enakmen yang sama iaitu:

- 1) Apabila mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan *nasab*, maka pendapat atas perkara itu daripada orang yang mempunyai kemahiran khusus dalam undang-undnag negara asing, sains atau seni itu, atau dalam soal tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan *nasab*, ialah *qarinah*.
- 2) Orang sedemikian itu dipanggil pakar.
- 3) .....

### **Keterangan Dokumentar**

Keterangan dokumentar merupakan salah satu bentuk pembuktian yang sering digunakan dan diterima di mahkamah syariah dalam pelbagai jenis kes. Keterangan ini merujuk kepada dokumen yang dijadikan sebagai bukti untuk menyokong sesuatu fakta yang dikemukakan di mahkamah. Keterangan dokumentar telah diperuntukkan dalam seksyen 48 EKMS 2003 yang menyatakan bahawa:

Kandungan dokumen boleh dibuktikan sama ada dengan keterangan primer atau dengan keterangan sekunder.

Menurut Azizah (2023) keterangan dokumen ini secara prinsipnya mestilah dikemukakan di mahkamah dengan keterangan primer atau dokumen asal melainkan dalam keadaan-keadaan tertentu yang membolehkan keterangan sekunder dikemukakan. Perkara ini telah dinyatakan dengan lebih terperinci dalam peruntukan seksyen 51 dan 52 enakmen yang sama.

### **Sumpah (*Al-Yamin*)**

Abdullah (2005) merumuskan bahawa bahawa dalam perundangan Islam, sumpah (*al-Yamin*) merupakan salah satu wasilah menguatkan pembuktian yang menjadi sandaran kepada Hakim dalam mengeluarkan hukuman atau keputusan bagi



menyelesaikan pertikaian dan mengakhiri perbalahan di antara pihak-pihak yang bertikai. Tambahnya lagi, dengan merujuk kepada takrif *al-yamin* dalam konteks sebagai suatu keterangan dan pembuktian dalam sistem kehakiman Islam, dapat difahami *yamin* yang dimaksudkan hanya akan sabit di hadapan Hakim dan tidak di luar mahkamah. Dalam prosiding pelaksanaan pula, disyaratkan hendaklah dilaksanakan dengan kehadiran kedua-dua pihak dalam mana-mana prosiding, namun begitu ianya juga boleh dilaksanakan tanpa kehadiran *Mudda'a Alaih* dalam keadaan hanya setelah mahkamah berpuas hati penyampaian saman telah disempurnakan.

Kajian Suhaizad Saifuddin (2019) merumuskan bahawa dari segi terminologi, sumpah boleh ditakrifkan sebagai menguatkan maksud kata-kata yang belum disahkan kebenarannya, dengan menyebut salah satu nama atau sifat Allah dalam lafaz yang tertentu. Tambahnya lagi, sumpah merupakan salah satu kaedah pembuktian yang diterima di dalam Islam berdasarkan kepada dalil daripada al-Quran dan hadis. Sebagai contohnya, sabda Nabi SAW yang bermaksud, "Keterangan (*al-bayyinah*) hendaklah diberikan oleh pihak pendakwa, manakala sumpah (*al-yamin*) oleh pihak yang mendakwa."

Oleh sebab itu, Abdul Fattah (2024) merumuskan bahawa dengan merujuk dari segi bahasa perkataan sumpah tersebut, ia bertujuan untuk mengukuhkan atau menguatkan sesuatu pernyataan sama ada ia dibuat secara lisan, bertulis, atau pun melalui isyarat. Oleh itu, pernyataan yang disertakan dengan sumpah akan memiliki status dan kekuatan yang berbeza berbanding dengan kenyataan biasa yang tidak dikaitkan dengan sumpah.

Dalam seksyen 87 (1) EKMS 2003 telah memperuntukkan mengenai sumpah secara terperinci iaitu:

Dalam kes mal keterangan hendaklah diberikan oleh plaintif dan defendan dan jika defendan menafikan tuntutan terhadapnya dia hendaklah dikehendaki mengangkat sumpah mengikut Hukum Syarak.

Dalam seksyen 88 EKMS 2003 pula telah memperuntukkan bahawa:

Jika dalam kes mal, plaintif hanya mengemukakan seorang saksi, keterangan saksi itu hanya boleh diterima jika keterangannya diberikan berserta dengan sumpah plaintif itu.

Oleh yang demikian, dengan merujuk kepada peruntukan-peruntukan di atas, dapat dirumuskan bahawa pembuktian merupakan aspek yang penting dalam membuktikan sesuatu fakta atau isu oleh pihak-pihak yang bertikai mengenai tuntutan yang dilakukan di dalam mahkamah syariah. Sehubungan itu, tanggungjawab bagi membuktikan sesuatu fakta adalah terletak kepada orang yang mendakwa atau yang menfailkan tuntutan di peringkat awal kes melalui sebarang bentuk kaedah dan medium pembuktian sama ada melalui kesaksian, iqrar, dokumen, qarinah atau



secara sumpah syarie bagi menyokong serta menguatkan sesuatu fakta dalam kes tersebut.

### **Analisis Terhadap Pembuktian Dalam Kes Hadanah**

Othman (2003) menyatakan bahawa pembuktian bermaksud menegakkan hujah atau mengemukakan bukti. Sementara, dalam istilah kehakiman pembuktian ditakrifkan sebagai mengemukakan bukti kepada mahkamah melalui cara-cara yang ditentukan oleh syarak, ke atas sesuatu hak, peristiwa atau kes, yang akan berlaku ke atasnya kesan-kesan hukum syarak. Pembuktian tersebut perlu dikemukakan melalui kaedah tertentu yang telah ditetapkan dalam peruntukan yang sedia ada (Suhaizad Saifuddin, 2019). Dalam Suhaizad Saifuddin (2019) merumuskan bahawa terdapat tujuh kaedah pembuktian yang diperuntukan di bawah Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 561) dan lima daripadanya telah diadaptasi daripada Akta Keterangan 1950 (Akta 56), sementara pemakaian qarinah pula dilihat berbeza dari perspektif hukum syarak.

Dalam konteks kes hadanah, Mohd Yusof Husin (2014) menjelaskan bahawa dalam Mahkamah Syariah, pihak yang mendakwa bahawa seseorang penjaga itu tidak layak perlu mengemukakan bukti yang mencukupi sama ada melalui penyaksian, dokumen, laporan perubatan, atau bukti lain. Tanpa bukti yang kukuh, mahkamah tidak boleh menolak hak penjagaan yang telah diberikan kepada penjaga asal. Hal ini kerana, menurut Buang (1990), dalam menentukan siapa yang lebih layak menjaga anak, mahkamah memerlukan pembuktian yang kukuh melalui pelbagai bentuk keterangan, termasuk keterangan saksi mengenai akhlak, kemampuan kewangan, kesihatan fizikal dan mental penjaga yang memohon hak jagaan.

Dalam kes *AS V SND [2019] 3 SHLR 30*, hakim menyatakan bahawa terdapat bukti yang dikemukakan oleh Defendan bagi menunjukkan Plaintiff mempunyai hubungan dengan lelaki lain melalui bentuk rakaman video yang dibuat oleh Defendan yang mana dalam video tersebut Plaintiff ada membuat pengakuan terhadap perbuatan zina. Dalam kes ini, mahkamah mendapati bahawa pengakuan Plaintiff yang direkodkan oleh Defendan tersebut adalah bertepatan dengan peruntukan seksyen 17 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003. Walau bagaimanapun, bagi membuktikan bahawa perbuatan Plaintiff dalam kes ini boleh menyebabkan hak hadanah digugurkan, mahkamah telah merujuk kembali kepada seksyen 84 (b) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 yang mana dalam peruntukan ini menyatakan sekiranya perempuan itu berkelakuan buruk secara keterlaluan dan terbuka. Ini bermakna kelakuan buruk yang membolehkan seseorang itu hilang suatu hak penjagaan hendaklah dilakukan secara terbuka. Oleh yang demikian, dakwaan yang dibuat oleh Defendan menunjukkan bahawa masih terdapat kekurangan dari sudut pembuktian yang mana Defendan telah gagal untuk mengaitkan atau menjelaskan sama ada hubungan Plaintiff dengan lelaki tersebut adalah suatu kelakuan buruk dan adakah ia dilakukan secara terbuka atau tertutup. Disebabkan itu, mahkamah berpendapat bahawa Plaintiff dalam kes ini tidak hilang



kelayakan kerana Defendan gagal memenuhi elemen yang ditetapkan dalam undang-undang.

Seterusnya, dalam kes *AK V NZB [2020] 2 SHLR 1*, mahkamah melihat kepada dokumen yang telah dikemukakan mengenai umur anak yang masih dalam lingkungan umur yang belum mumaiyiz. Dalam perkara ini, mahkamah telah merujuk pendapat Imam Taqiyuddin Abu Bakar bin Muhammad Al-Husaini di dalam kitab *Kifayah Al-Akhyar*, Juz 2. Mahkamah juga merujuk kepada peruntukan seksyen 82 (1) EUKIS 2003 yang menjelaskan mengenai kedudukan ibu dalam hak penjagaan, meskipun ianya tertakluk kepada kelayakan ibu tersebut berdasarkan dalam peruntukan seksyen 83 EUKIS 2003. Bukan itu sahaja, mahkamah dalam kes ini juga telah merujuk dalam sebuah hadis Rasulullah SAW mengenai perkara ini. Oleh yang demikian, dengan merujuk kepada kitab, hadis dan peruntukan undang-undang yang berkenaan, mahkamah mendapati bahawa dalam kes hak penjagaan anak, keadaan anak yang menjadi pertikaian melibatkan lingkungan umur anak tersebut yang belum mumaiyiz, adalah jelas diberikan kepada ibu melainkan terdapatnya pertikaian mengenai kelayakan ibu tersebut.

Selain itu, dalam kes *AMAK V ZJ [2021] 1 SHLR 60*, mahkamah telah melihat kepada affidavit keterangan plaintiff, affidavit keterangan saksi dan juga affidavit keterangan utama dan tambahan defendan. Perayu (defendan) dalam kes ini telah gagal membuktikan mengenai perpindahan responden (plaintif) dari Bukit Mahkota ke Dungun adalah bertujuan untuk menghalang perayu sebagai bapa melakukan pengawasan yang perlu ke atas anaknya. Dalam kes ini, mahkamah telah bersetuju dengan hujah responden yang mengatakan bahawa perpindahan tersebut adalah disebabkan kerana tugas kerja responden sebagai pensyarah yang telah menamatkan pengajiannya dan perlu kembali ke tempat asal bertugas. Fakta mengenai responden telah bertugas di UITM Dungun sejak awal perkahwinan adalah diakui oleh mahkamah. Perayu dalam kes ini telah mempertikaikan kelayakan responden sebagai penjaga dalam pembelaannya. Oleh itu, beban pembuktian perlulah ditanggung oleh perayu berdasarkan kepada seksyen 73 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2003. Walau bagaimanapun, dalam kes ini mahkamah mendapati perayu telah gagal membuktikan ketidaklayakan responden sebagai penjaga dan memutuskan untuk hak responden sebagai penjaga dikekalkan.

Kes yang lain adalah *NABA @ CPY V ABK [2022] 1 SHLR 1* yang mana dalam kes ini, perayu menyatakan responden telah gagal membawa keterangan sehingga melepasi beban pembuktian yang membuktikan bahawa perayu telah hilang kelayakan di bawah seksyen 84 EUKIS 2003 dan seksyen 72, 73 dan 74 EKMS 2003. Dalam kes ini, mahkamah bersetuju dengan alasan YA Hakim Bicara mendapati dalam pernyataan tuntutan balas responden (Defendan) ada mendakwa bahawa perayu (Plaintif) telah hilang kelayakan atas sebab sengaja tidak berakhlak dengan akhlak Islamiyyah dan telah cuai terhadap kebajikan anak. YA Hakim Bicara hanya menyatakan bahawa mahkamah mendapati defendan berkelayakan dan memenuhi syarat sebagai hadinah. Disebabkan itu, atas prinsip asal sesuatu itu tiada (*al-aslu al-'adam*) mahkamah berpuas hati menyatakan bahawa perayu tidak hilang kelayakan untuk



menjadi penjaga dan mahkamah juga berpuas hati berdasarkan kepada alasan penghakiman YA Hakim Bicara bahawa responden mempunyai kelayakan dan memenuhi syarat sebagai hadinah.

Oleh yang demikian, dapat dilihat berdasarkan kes-kes di atas, aspek pembuktian merupakan perkara yang penting yang diambil kira oleh mahkamah sebelum menentukan hak hadanah. Dengan merujuk kepada pembuktian yang dikemukakan oleh pihak-pihak, mahkamah dapat membuat keputusan dengan memberikan hak hadanah kepada yang layak untuk menjaga anak tersebut.

## RUMUSAN

Sebagai kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa pembuktian merupakan elemen yang amat penting dalam mana-mana tuntutan kes yang dibawa oleh pihak-pihak yang bertikai di mahkamah syariah. Hal ini kerana, pembuktian yang dikemukakan oleh pihak yang terlibat mampu menyokong dan mengukuhkan fakta-fakta yang telah dikemukakan. Berdasarkan kepada kes-kes hadanah yang telah dianalisis, pengkaji mendapati bahawa aspek pembuktian yang disentuh oleh hakim dalam alasan penghakiman meliputi aspek kaedah pembuktian sama ada melalui *iqrar*, kesaksian, pendapat pakar dan juga keterangan dokumentar.

Walau bagaimanapun, tidak semua hakim akan menyentuh secara langsung mengenai kaedah pembuktian tersebut. Hal ini kerana, dalam sesetengah kes hakim lebih cenderung untuk menyentuh soal pembuktian daripada aspek beban pembuktian. Dengan merujuk kepada pembuktian yang dikemukakan oleh pihak-pihak, hakim akan mempertimbangkan terlebih dahulu sama ada untuk menerima atau pun tidak pembuktian tersebut. Sebagai contohnya, dapat dilihat dalam beberapa tuntutan kes mengenai hak hadanah bahawa mahkamah telah memutuskan hak hadanah seseorang anak itu diberikan kepada ibu dengan merujuk kepada pembuktian yang telah dikemukakan.

Dari segi aspek beban pembuktian pula, tanggungjawab tersebut adalah terletak pada orang yang mendakwa. Oleh kerana hukum syarak telah menetapkan ibu merupakan orang yang paling berhak untuk mendapatkan hak jagaan anak, maka beban bukti untuk sebarang dakwaan berkaitan kelayakan hak hadanah tersebut adalah terletak pada pihak bapa atau pun pada pihak lawan. Oleh itu, sekiranya pihak yang mendakwa tersebut gagal melepasi keperluan beban pembuktian, maka dakwaannya tidak akan diterima oleh pihak mahkamah.

## RUJUKAN

Abdullah, Y. D. (Februari 2005). Sumpah Syarie'. *Jurnal Hukum (JH 1426H) Jld. Xix Bhg 1*.

Amir Husin Mohd Nor, W. A. (2018). Kaedah-Kaedah Pembuktian Kes Hibah Di Mahkamah Syariah Di Malaysia: Rujukan Kes-Kes Dalam Jurnal Hukum. *Malaysian Journal Of Syariah And Law Vol 8 No 2*.



- Azizah Mohd Rapini. (2018). Amalan Semasa Pengendalian Saksi Di Mahkamah Syariah Di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *Journal of Muwafaqat* Vol. 1, No.2, 2018. 75-85.
- Azizah Mohd Rapini. (2023). Pembuktian Kes Tuntutan Berkaitan Cuai Nafkah: Kajian Terhadap Pembelaan Peningkatan Kos Sara Hidup. International Conference on Syariah & Law 2023 (ICONSYAL) 2023 15<sup>th</sup> November 2023.
- Badriyah. (2022). Pertimbangan Hakim Di Indonesia Dan Malaysia Dalam Memberikan Hak Hadhanah Kepada Ayah Perspektif Masalah Dan Keadilan Gender. *Tesis Magister Hukum Keluarga Fakulti Syariah Dan Hukum Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta*.
- Buang, S. (1990). *Undang-Undang Keterangan Islam Di Mahkamah Syariah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Burhanuddin A. Gani & Aja Mughnia. (2021). Konsep Hadhanah Perspektif Mazhab Syafi'i Dan Implementasinya Dalam Putusan Mahkamah Syar'iyah Kota Banda Aceh Nomor 314/Pdt G/2017/MS Bna. *Jurnal El-Hadhanah: Indonesian Journal of Family Law And Islamic Law* Vol. 1, No. 1, 2021. 43-62.
- Dina Fatimah, Patimah & Siti Nurul Fatimah Tarimana. (2023). Pertimbangan Hakim Dalam Penetapan Hadhanah Yang Belum Mumayyiz Dibawah Pengasuhan Ayah. Qadauna. *Jurnal Ilmiah Mahasiswa Hukum Keluarga Islam* Vol. 5, No. 1, 2023.
- El-Muhammady, A. H. (1994). *Hadhanah Menurut Perspektif Islam Dan Pelaksanaannya Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003
- Fadhil Fadani & Muhammad Adib Alfarisi. (2023). Penalaran Aturan Hukum Perlindungan Identitas Agama Pada Anak Dalam Konsep Hadhanah Di Malaysia. *As-Syar'i: Jurnal Bimbingan & Kaunseling Keluarga* Vol. 6, No. 1, 2023.
- Husin, M. Y. (2014). The Burden Of Proof And Evidentiary Rules In The Syariah Court: A Comparative Study. *Journal Of Islamic Law And Judiciary*, 6(2), 15–30.
- Muhajir, A. (2017). Hadhanah Dalam Islam (Hak Pengasuhan Anak Dalam Sektor Pendidikan Rumah. *Jurnal SAP* Vol. 2, No. 2, 2017.
- Othman, M. S. (2003). *Undang-Undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



- Salam, N. Z. (2018). Asas Pertimbangan Dalam Penghakiman Hadhanah: Analisis Terhadap Kes-Kes Di Mahkamah Syariah. *4th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (MFIFC 2018)*.
- Salam, N. Z. (2019). Kebajikan Anak Dalam Kes Hadhanah Di Mahkamah Syariah . *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Vol 6, Bil. 2, 2019, 71-83*.
- Suhaizad Saifuddin, Ruzian Markom & Mohd. Munzil Muhamad. (2019). Kaedah Pembuktian Dalam Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah Dan Mahkamah Sivil Di Malaysia: Suatu Kajian Perbandingan. *Kanun 31(1), 2019. 1-34*.
- Suhaizad Saifuddin. (2021). Peruntukan Beban Pembuktian Di Bawah Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah: Satu Penilaian. *28 JUUM, 2021. 78-91*.
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail, A. S. (2024). Kedudukan Sumpah Nafyi Al-'ilmi Dalam Undang-Undang Keterangan Islam Dan Praktisnya Di Mahkamah Syariah. *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies Vol. 33, No. 4 (2024), 11-19*.